

CAPAIAN TERHADAP PENDIDIKAN: ANALISIS KHUSUS BERKENAAN ORANG KURANG UPAYA

(Access to Education: Specific Analysis of People with Disabilities)

Shamim Husna Sharizal¹
a180849@siswa.ukm.edu.my

Nurfatini Alya Ahmad Sallehudins²
a181889@siswa.ukm.edu.my

Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.^{1&2}

Rachel Decruz³
rachel.deacruz@asb.edu.my

Penyelidik Kanan Bersekutu, ASEAN Research Center, Asia School of Business, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.³

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Shamim Husna Sharizal, Nurfatini Alya Ahmad Sallehudins & Rachel Decruz. (2024). Capaian terhadap pendidikan: Analisis khusus berkenaan orang kurang upaya. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 36(2), 307–334. [https://doi.org/10.37052/kanun.36\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/kanun.36(2)no7)

Peroleh: <i>Received:</i>	21/3/2024	Semakan: <i>Revised</i>	4/4/2024	Terima: <i>Accepted:</i>	5/7/2024	Terbit dalam talian: <i>Published online</i>	19/7/2024
------------------------------	-----------	----------------------------	----------	-----------------------------	----------	---	-----------

Abstrak

Sekitaran seseorang itu mempunyai kesan yang besar terhadap pengalaman dan tahap ketidakupayaannya seperti yang dinyatakan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO). Sekitaran yang tidak dapat dicapai mewujudkan rintangan yang menghalang penyertaan penuh bagi orang kurang upaya (OKU) dalam masyarakat secara sama rata dengan orang lain. Pemberian capaian sepenuhnya terhadap pendidikan kepada OKU merupakan perkara penting demi menjamin peluang untuk menikmati kehidupan yang berjaya seperti orang lain. Namun begitu, masalah berlaku apabila OKU menghadapi pelbagai halangan untuk mendapatkan capaian terhadap pendidikan formal. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk

mengenal pasti takrifan dan pembahagian kategori OKU, menganalisis hak OKU terhadap pendidikan berdasarkan undang-undang domestik dan antarabangsa, mempertimbangkan cadangan langkah penambahbaikan sistem pendidikan kepada OKU dan membandingkan pendekatan tokoh jurispruden terhadap prinsip kesamarataan. Objektif ini dicapai melalui pendekatan doktrinal. Pengumpulan dan pengkajian maklumat dalam kajian ini dilakukan menerusi kajian perpustakaan. Sumber primer yang dirujuk ialah statut perundangan, seperti akta dan perlembagaan negara. Antara sumber rujukan sekunder yang dikaji termasuk buku ilmiah, artikel jurnal dan keratan akhbar. Pangkalan data dalam talian turut digunakan sebagai rujukan, seperti Research Gate, untuk mendapatkan maklumat terkini yang berkaitan dengan kajian ini. Oleh itu, pengkaji mengkaji jenis capaian yang diperlukan oleh orang kurang upaya dengan lebih mendalam, serta memberikan cadangan yang mampu dipertimbangkan oleh Malaysia setelah meninjau sistem pendidikan di negara luar yang berjaya memberikan capaian penuh kepada pelajar kurang upaya.

Kata kunci: Orang kurang upaya, pendidikan, undang-undang, penyesuaian munasabah, jurispruden, cadangan penambahbaikan

Abstract

According to the World Health Organization or 'WHO', a person's environment has a significant impact on their experience and level of disability. Inaccessible environments create barriers that prevent the full and effective participation of people with disabilities (PWDs) in society on an equal basis with others. Therefore, it is important to give PWDs full access to education to guarantee they have the right opportunities provided to succeed in life as others. Problems arise when the disabled have various obstacles in gaining access to formal education. Therefore, the objective of this study is to identify the definition and division of the category of PWDs, to analyse the rights of the disabled to education based on domestic and international laws, to consider proposed steps to improve the education system for PWDs and to compare the approach of jurisprudential figures to the principle of equality. These objectives are achieved through a doctrinal approach. The method used to collect and study information in completing this writing is the library-based study method. The primary sources referred to are legal statutes such as acts, national constitutions and others. Secondary reference sources that will be studied include scientific books, articles, journals and newspaper clippings. Online databases are also used as a reference such as Research Gate to obtain the latest information related to this study.

Thus, this research paper will study in more depth the type of access required by those with disabilities as well as provide recommendations that can be considered by Malaysia after reviewing education systems in other countries that successfully provide full access to students with disabilities.

Keywords: Disabled people, education, law, reasonable adjustment, jurisprudence, suggestions for improvement.

PENDAHULUAN

Orang kurang upaya (OKU) merupakan kumpulan manusia yang mempunyai kekurangan dari segi fizikal dan mental. Dengan merujuk Seksyen 2 Akta Orang Kurang Upaya 2008, OKU dapat ditafsirkan sebagai orang yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria yang berhadapan dengan pelbagai halangan apabila berinteraksi. Kekurangan ini merujuk sebarang keadaan badan atau minda yang menyukarkan individu tersebut melakukan aktiviti tertentu dan berinteraksi dengan dunia di kelilingnya. Kekurangan upaya ini menyukarkan OKU untuk menyertai kehidupan sosial bersama-sama individu lain.

Walaupun kadangkala merujuk populasi tertentu, sebenarnya OKU ialah kumpulan orang yang pelbagai dengan keperluan yang berbeza-beza. Contohnya, dua OKU dengan kehilangan upaya berbeza memerlukan adaptasi sekitaran atau bantuan khas yang berbeza-beza. Sesetengah kekurangan mungkin tersembunyi atau tidak mudah dilihat. Kekurangan ini sepatutnya diatasi menerusi bantuan dan sokongan daripada masyarakat. Bantuan ini pula seharusnya meliputi pelbagai aspek. Golongan OKU mungkin mempunyai kekurangan dari segi keupayaan mental dan fizikal berbanding dengan manusia lain. Namun begitu, segelintir masyarakat masih kurang faham dan menyetepikan hak yang sepatutnya dimiliki oleh golongan ini. Hak yang diberikan kepada OKU dan masyarakat lain adalah sama di sisi undang-undang. Hal ini merujuk Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata. Oleh itu, jelaslah bahawa tiada sebarang perbezaan atau diskriminasi yang perlu wujud apabila membincangkan spektrum hak yang dimiliki antara OKU dengan masyarakat lain.

Malah, apabila berbincang mengenai perlindungan yang perlu diberikan kepada golongan yang memerlukannya, adalah penting untuk melihat hak yang dimiliki oleh pihak lain. Sesungguhnya, hak dan kebebasan merupakan dua kata yang sering didengar, tetapi sukar difahami dengan jelas dan mendalamnya. Menurut Nur Azlina Mohamad Zahari et al. (2022b), sumber undang-undang antarabangsa dan kebangsaan meletakkan dan menggalakkan amalan mementingkan hak yang dimiliki oleh individu atau persatuan. Dalam *Kamus Undang-undang* (2008), hak ditafsirkan sebagai suatu perkara dasar atau pokok dalam kehidupan individu. Hak dan kebebasan asasi bagi seseorang individu dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kebebasan yang bersifat mutlak dan kebebasan yang bersifat bersyarat.

Undang-undang antarabangsa turut menggalakkan masyarakat supaya menerima golongan kurang upaya tanpa menimbulkan sebarang diskriminasi terhadapnya. Malaysia telah menandatangani Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Kurang Upaya pada tahun 2008 dan meratifikasikannya pada tahun 2010. Malaysia juga menggubal undang-undang bagi melindungi OKU.

Dengan merujuk Pertubuhan Kesihatan Dunia, hampir setiap orang akan mengalami ketidakupayaan sementara atau kekal pada suatu ketika dalam hidupnya. Dianggarkan bahawa 1.3 bilion orang, iaitu lebih kurang 16% daripada populasi global, kini mengalami kecacatan perubatan yang ketara. Jumlah ini meningkat yang sebahagiannya disebabkan oleh penuaan penduduk dan peningkatan dalam kelaziman penyakit tidak berjangkit.

Seterusnya, berdasarkan Statistik Pendaftaran OKU (2023) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat hingga 31 Ogos 2022, bilangan pendaftaran OKU berjumlah 619273 orang. Pendaftaran OKU ini dibahagikan kepada beberapa kategori. Kategori OKU ini dibahagikan kepada kategori pelihatan, pendengaran, pertuturan, fizikal, pembelajaran dan mental. Segelintir masyarakat mungkin tidak menyedari bahawa golongan OKU ini meliputi individu yang mempunyai kekurangan yang tersembunyi, bukannya semata-mata kekurangan yang dapat dilihat dengan pandangan mata kasar.

Kajian ini menganalisis hak OKU terhadap pendidikan berdasarkan undang-undang domestik dan antarabangsa, mempertimbangkan cadangan langkah penambahbaikan sistem pendidikan tersebut dan membandingkan pendekatan tokoh jurisprudens terhadap prinsip kesamarataan. Kajian ini menggunakan pendekatan doktrin menerusi kajian perpustakaan.

Rujukan dilakukan terhadap sumber primer, seperti akta dan perlembagaan negara, serta sumber sekunder, seperti buku ilmiah, artikel dan keratan akhbar. Pangkalan data dalam talian, seperti Research Gate, turut digunakan.

ISU JURANG DALAM PENDIDIKAN ANTARA PELAJAR KURANG UPAYA DENGAN PELAJAR BIASA

Dalam *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1996), kata jurang bermaksud perbezaan yang memisahkan sesuatu dengan sesuatu yang lain. Pendidikan pula bermaksud mendidik atau memberi, serta menyampaikan ilmu atau didikan kepada sesiapa sahaja. Oleh itu, secara umumnya, jurang dalam pendidikan bermaksud perbezaan yang menjadi pemisah dalam proses penyampaian ilmu. Jurang dalam pendidikan yang dibincangkan dalam makalah ini ialah jurang antara pelajar biasa dengan pelajar kurang upaya dalam bidang pendidikan. Kini, kemajuan dalam bidang pendidikan negara jelas kelihatan apabila negara berjaya melahirkan banyak graduan dan pelajar yang berkualiti. Jumlah pelajar cemerlang terus meningkat, serta kualiti pelajar dan graduan yang dilahirkan memberangsangkan.

Sepanjang bulan konvokesyen, apabila diteliti dengan lebih jelas, pelajar kurang upaya kurang dilihat berada bersama-sama untuk meraikan sambutan ini dengan pelajar lain. Hal ini tidak menghairankan kerana jumlah enrolmen pelajar OKU di universiti awam di Malaysia hanya sebanyak 792 orang berbanding dengan jumlah keseluruhan enrolmen pelajar di universiti awam di Malaysia, iaitu sebanyak 595624 orang dengan nisbah 1 kepada 752 (Statistik Pendidikan Tinggi, 2022). Walau bagaimanapun, timbul persoalan lain tentang jumlah pelajar OKU yang memperoleh pencapaian yang sama dengan pelajar lain sehinggakan pelajar OKU kurang kelihatan pada hari konvokesyen.

Lim Tien Hong (2021) menerangkan bahawa masalah sosioekonomi keluarga pelajar OKU dan kekurangan kemudahan di sekolah menjadi halangan untuk mendapat pendidikan di sekolah. Menurutnya juga, pendidikan formal tidak mengecualikan pelajar berkeperluan khas dan masih kekal sebagai laluan utama untuk menuju ke arah kejayaan.

Kanak-kanak kurang upaya berada dalam keadaan yang kemampuan memproses dan menyimpan maklumatnya dihalang (Mohd Fudzail Mohd Nor, 2021). Dengan merujuk Dokumen Keciciran Pendidikan Malaysia 2023 seperti yang dinyatakan dalam Faida Rahim (2023), sebanyak 38696 (27.5%) kanak-kanak OKU keciciran sekolah bagi

tahun 2022. Selain itu, kanak-kanak ini juga sering ketinggalan dalam bidang akademik dan kemahiran (Erda Khursyiah Basir, 2022). Menurut Chata Male dan Quentin Wodon (2017) pemberian peluang yang sama kepada kanak-kanak ini sebagaimana kanak-kanak lain merupakan suatu cabaran. Contoh kekhuatiran terhadap diskriminasi ini dapat dilihat dengan merujuk Ketidaksediaan prasarana (2021) yang menyatakan bahawa kebanyakan OKU tidak memaklumkan statusnya sebagai OKU dalam borang permohonan kerana berasa bimbang jikatidak diterima masuk ke universiti disebabkan oleh kecacatan yang dialaminya.

Dengan berdasarkan laporan dalam penulisan bersama Bank Dunia, jurang antara kanak-kanak berupaya dengan kanak-kanak kurang upaya yang menamatkan sekolah rendah adalah tinggi (Chata Male dan Quentin Wodon, 2017). Jurang ini terhasil kerana terdapat kebarangkalian untuk kanak-kanak kurang upaya menamatkan persekolahan lebih awal berbanding dengan kanak-kanak lain. Walau bagaimanapun, yang lebih ketara, terdapat sebahagian kanak-kanak kurang upaya yang langsung tidak pernah mendaftar di mana-mana sekolah. Hal ini menunjukkan bahawa kanak-kanak kurang upaya menghadapi jurang capaian pendidikan sejak peringkat awal.

Pada peringkat yang lebih tinggi, Malaysia melaksanakan Dasar Inklusif OKU. Institusi pengajian tinggi di Malaysia menggunakan negara luar atau organisasi antarabangsa yang lain sebagai penanda aras dalam pelaksanaan dasar ini. Infrastruktur, kemudahan dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan aspek penting yang perlu disediakan. Namun begitu, jika dilihat sistem pendidikan yang melibatkan pelajar OKU, institusi pendidikan tinggi masih belum mencapai garis panduan yang ditetapkan dan masih terdapat kekurangan dalam pelaksanaan dasar ini. Menurut Nor Nandinie Mohd Nizam Edros dan Tajul Arifin Muhamad (2020), rangka pelan pembangunan pendidikan terhadap OKU perlu dikaji semula bagi mewujudkan suasana kampus yang lebih kondusif dan selesa untuk pelajar OKU. Hal ini dapat dicapai menerusi Dasar Inklusif OKU yang merangkumi penyediaan sekitaran fizikal yang mesra OKU.

Penyediaan kemudahan yang lengkap mampu meningkatkan motivasi pelajar kurang upaya dan membantu meningkatkan pencapaian dalam bidang akademik. Hasnah Toran et al. (2009) menyatakan bahawa kekurangan kemudahan bagi pelajar kurang upaya melibatkan aspek kewangan, prasarana fizikal, pengangkutan, tempat tinggal,

keselamatan dan capaian terhadap maklumat, serta proses pembelajaran dan pengajaran. Semua kategori ini perlu dirujuk semula dalam usaha merangka pelan pembangunan pendidikan untuk OKU. Hal ini penting untuk memastikan pelajar kurang upaya mendapat hak terhadap pendidikan yang setara dengan pelajar lain.

KES YANG BERKAITAN DENGAN JURANG DALAM PENDIDIKAN

Terdapat kes yang dibicarakan di mahkamah tempatan yang membincangkan hak pendidikan OKU. Penelitian terhadap kes ini dilakukan bagi menganalisis pendekatan yang diambil oleh mahkamah apabila berbincang tentang perkara yang penting dan sensitif ini. Budi bicara hakim yang bijaksana adalah penting untuk memastikan hak terhadap pendidikan yang diberikan kepada OKU sentiasa terpelihara.

Kes yang dirujuk ialah kes *Jakob Renner (An Infant Suing Through His Father and Next Friend, Gilbert Renner) & Ors Iwn Scoot King, Chairman of Board of Directors of the International School of Kuala Lumpur & Ors* [200] 5 MLJ 254. Dalam kes ini, plaintif pertama merupakan kanak-kanak yang mengalami kekurangan dari segi pergerakan saraf motor. Plaintif belajar di sekolah defendan di kampus Melawati pada peringkat sekolah rendah. Plaintif seterusnya ingin menyambung pengajian di kampus Ampang pada peringkat sekolah menengah, tetapi dihalang kerana plaintif ialah pelajar kurang upaya. Alasan yang diberikan oleh defendan ialah kemasukan plaintif di sekolah kampus Ampang akan menyebabkan penanggungan kos yang tinggi oleh pihak sekolah kerana perlu menjadikan kampus tersebut mesra OKU.

Dalam kes ini, Mahkamah Tinggi Shah Alam membenarkan permohonan dengan kos. Hakim Low Hop Bing J dalam penghakimannya menyatakan bahawa perbelanjaan kewangan yang perlu ditanggung oleh defendan bukan alasan yang kukuh dengan merujukimbangan keadilan. Antara hak asasi yang dimiliki oleh plaintif untuk mendapatkan pendidikan dengan kos yang perlu ditanggung oleh defendan, hak kanak-kanak tersebut terhadap pendidikan lebih utama.

Dengan memetik petikan yang dinyatakan oleh Hakim, Low Hop Bing J dalam kes ini berkata:

A wheelchair bound child should not, ipso facto, be denied his basic rights to and needs for education.

Maksudnya;

Kanak-kanak berkerusi roda tidak seharusnya, secara *ipso facto*, dinafikan hak asasinya dan keperluan terhadap pendidikan.

Dalam kes ini juga, hakim bertegas bahawa hak kanak-kanak kurang upaya terhadap pendidikan tidak sepatutnya ditindas. Adalah suatu kesalahan bagi sesiapa yang menghalang individu kurang upaya untuk mendapatkan pendidikan. Apatah lagi, pendidikan berpotensi untuk memacu kehidupan OKU.

Capaian terhadap pendidikan merupakan perkara asasi yang dinyatakan di bawah Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, adalah wajar untuk memastikan hak setiap individu tidak ditindas.

TEORI JURISPRUDEN YANG BERKAITAN DENGAN KESAMARATAAN

Bahagian ini membincangkan kesamarataan, kesamarataan dan keadilan, kesamarataan dalam perundangan serta kesamarataan dan hak.

Kesamarataan

Oleh sebab sejarah hak asasi manusia menunjukkan perjuangan berterusan antara kebebasan individu dengan pertimbangan keadilan sosial, aspek kesamarataan dan kebebasan adalah berkait rapat. Dari sudut hak asasi manusia, kebebasan tidak dapat dinafikan dan terus menjadi sesuatu yang amat penting. Namun begitu, jika tiada kesamarataan, kebebasan berkemungkinan menjadi keistimewaan yang dimiliki oleh segelintir pihak yang terpilih, seterusnya membuka ruang untuk penindasan golongan tertentu.

Nagel (1987), penulis dalam bidang falsafah, dalam pemerhatian yang dilakukan olehnya menyatakan bahawa dunia penuh dengan ketidaksetaraan. Ketidaksetaraan ini berlaku dalam kebanyakan negara. Contoh ketidaksetaraan yang dinyatakan ini ialah situasi sesetengah kanak-kanak yang dilahirkan di dalam rumah yang selesa dan sejahtera, cukup makan dan berpendidikan tinggi, manakala yang lain pula miskin, tidak cukup makan dan tidak pernah mendapat peluang pendidikan atau rawatan perubatan.

Bagi Bentham (1838–1843), kesamarataan merupakan satu daripada empat tujuan penggubalan undang-undang sivil. Menurut Bentham,

layanan sama rata tersebut dapat membuka ruang kepada masyarakat untuk hidup dalam keadaan harmoni dan makmur. Mill (1863) pula mengungkap prinsip Bentham sebagai:

everybody to count for one, nobody for more than one

Maksudnya,

setiap individu dinilai sebagai satu individu, dan tiada yang bernilai lebih.

Orang kurang upaya mungkin mengalami kekurangan upaya dari segi fizikal atau mental. Kekurangan upaya ini tidak memberikan impak terhadap nilai intrinsik seseorang individu itu. Nilai ini perlu dipelihara supaya setara antara setiap individu. Setiap individu tersebut wajar diambil kira secara sama rata oleh penggubal undang-undang. Bentham juga menyatakan:

the happiness of the most helpless and indigent has as much title to regard at the hands of the legislator, as that of the most powerful and opulent

Maksudnya,

kesejahteraan individu yang paling tidak berupaya dan miskin mempunyai hak untuk mendapat perhatian penggubal undang-undang yang setara dengan kesejahteraan individu yang paling berkuasa dan kaya.

Maka, Bentham berpendapat bahawa ketidakupayaan seseorang tidak seharusnya mengurangkan kualiti kehidupan individu tersebut yang dilindungi oleh undang-undang.

Dworkin (1981a) dalam penulisannya membincangkan kesamarataan dari segi pengagihan sumber. Sesungguhnya, pengagihan dan perkongsian sumber dalam kalangan masyarakat dilakukan untuk membantu membangunkan kehidupan dan kesejahteraan setiap individu di dalam negara. Perkongsian sumber ini perlu dilakukan secara adil bagi memastikan setiap individu mempunyai capaian yang sama terhadap sumber yang diperlukan. Capaian sumber pendidikan oleh golongan OKU menimbulkan isu yang berpunca daripada permasalahan berbangkit yang melibatkan OKU dengan capaian pendidikannya. Halangan terhadap

pendidikan yang dihadapi oleh golongan OKU membuka ruang untuk berlakunya penindasan terhadap OKU dan aspek capaian pendidikan. Kekurangan kemudahan menjadi halangan bagi OKU untuk mendapatkan capaian terhadap kehidupan yang selesa untuk pembelajaran. Kekurangan dari segi fizikal atau mental menyukarkan OKU untuk mempertahankan capaiannya terhadap pendidikan sekiranya tiada penyesuaian dilakukan terhadap sekitaran golongan ini. Capaian yang ada ini perlu disalurkan secara saksama bagi memastikan OKU dan individu lain mendapat capaian sumber yang saksama, seterusnya dapat menikmati sumber pendidikan tersebut secara sama rata. Hal ini bagi memastikan semua pihak dapat menikmati kesamarataan daripada sumber tersebut tanpa mengalami sebarang penindasan.

Kesamarataan dan Keadilan

Keadilan dan kesamarataan ialah dua perkara yang perlu bergerak secara seiring. Dias (1976) menerangkan bahawa hubungan antara kesamarataan dan keadilan adalah rumit. Rawls (1921) pula menyatakan bahawa walaupun konsep keadilan tidak bersamaan dengan konsep kesaksamaan, prinsip keadilan mesti wujud dalam apa-apa situasi yang dianggap sebagai saksama. Rawls seterusnya memperkenalkan prinsip kesamarataan sebagai peluang yang seimbang untuk menikmati kebebasan pada kadar yang sama dengan kebebasan yang dinikmati oleh orang lain.

Menurut Rawls (2000) pula, pendidikan merupakan satu daripada cara untuk mencapai dan menikmati kebebasan tersebut. Sekiranya pendidikan tidak dapat dinikmati oleh semua pihak, pihak yang tidak berpeluang itu dikatakan telah menerima layanan yang berbeza. Layanan berbeza yang diberikan ini turut memberikan impak yang besar terhadap sumber pendapatan atau keistimewaan yang sepatutnya dimiliki oleh individu yang tidak berpeluang. Menerusi contoh isu berbangkit yang berkaitan dengan capaian pendidikan yang sepatutnya dimiliki oleh OKU, had terhadap capaian golongan ini menjejaskan potensi perkembangan dirinya. Peluang yang diberikan sepatutnya menjadi batu loncatan yang membantunya untuk terus membangun dan berkembang. Menurut Rawls, prinsip keadilan tidak mewajibkan semua had atau kekurangan individu dibasmi, tetapi prinsip keadilan menyokong pengagihan semula sumber dalam bidang pendidikan untuk meningkatkan kedudukan orang yang kurang beruntung.

Kesamarataan dalam Perundangan

Sistem perundangan merupakan suatu sistem yang mengawal perlakuan setiap individu. Sistem undang-undang yang mantap mampu menegakkan bentuk diskriminasi yang tidak memanfaatkan masyarakat sesebuah negara tersebut. Kebanyakan negara cakna terhadap kesamarataan yang perlu diberikan kepada setiap individu. Aspek kesamarataan ini diperuntukkan dalam perlembagaan sesebuah negara. Contohnya, di Malaysia, kesamarataan diperuntukkan dalam Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini memberikan perlindungan terhadap setiap warganegara Malaysia untuk menerima kesamarataan. Setiap individu adalah sama pada sisi undang-undang. Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan perlu dibaca bersama-sama Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak.

Muhammad Kamil Awang (2000) menyatakan bahawa perkara penting yang perlu difokuskan menerusi peruntukan yang berkaitan dengan kesamarataan ialah bukan semua individu perlu dilayan secara sama, sebaliknya, setiap individu dalam keadaan yang sama perlu dilayan dengan sama. Menurut Jhering (1999), kandungan sesuatu undang-undang mestilah pelbagai dan berbentuk standard yang secara relatifnya bersesuaian dengan keadaan dan tahap kemajuan masyarakat dan keperluan semasa. Pandangan Jhering ini memberikan impak yang besar dalam pemahaman kesamarataan dari segi perundangan secara lebih jelas. Pernyataan yang dikeluarkan oleh Jhering bermaksud bahawa kesamarataan dalam undang-undang tidak bermaksud bahawa individu yang tidak sama dilayan dengan cara yang sama kerana layanan tersebut akan membawa kepada ketidaksamarataan sebagaimana ungkapan dalam bahasa Latin, iaitu *summum jus summa injuria*. Setiap individu mempunyai perbezaan dari segi kemampuan, personaliti atau budaya. Oleh itu, layanan yang lebih teliti perlu diberikan kepada orang yang lebih memerlukannya bagi memastikan individu tersebut menerima kesan layanan yang sama dengan individu lain. Contohnya, kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah tidak boleh menerima hukuman yang sama dengan orang dewasa yang melakukan jenayah.

Oleh itu, menerusi kenyataan Jhering (1999) ini, individu kurang upaya secara nominal sudah diberikan kebebasan secara umum untuk mendapatkan pendidikan, tetapi tidak dapat menikmatinya secara penuh. Oleh sebab OKU mempunyai kemampuan yang berbeza daripada individu lain, layanan yang diberikan dari segi undang-undang perlu lebih teliti dan menyeluruh dalam bentuk bantuan tambahan untuk membolehkannya

menikmati capaian pendidikan yang sepatutnya. Kini, kemudahan dan penyesuaian munasabah yang lebih lengkap dan mesra OKU perlu disediakan bagi membolehkan golongan ini menerima pendidikan yang sama dengan individu lain. Layanan tambahan perlu diberikan supaya kesamarataan terhadap pendidikan dapat dinikmati oleh golongan ini.

Kesamarataan dan Hak

Estrada (1970), seorang tokoh falsafah memberikan penjelasan yang dapat dibezakan secara halus daripada penulisan Jhering (1999). Estrada menyatakan bahawa setiap individu dicipta berbeza-beza dan layak menerima layanan yang sama, tetapi sesetengah individu mempunyai hak untuk mendapat layanan yang lebih berbanding dengan individu lain. Hal ini dikatakan demikian kerana tahap layanan untuk menikmati hak yang diperuntukkan bergantung pada bakat, kemampuan, peluang dan tenaga. Individu yang berbeza memerlukan layanan atau sokongan yang berbeza bagi menikmati hak yang diberikan.

Orang kurang upaya memerlukan layanan dan sokongan yang lebih untuk menikmati hak terhadap pendidikan. Kemudahan di sekolah biasa, selain struktur pembelajaran dan penilaian tanpa sebarang penyesuaian, mungkin kurang sesuai untuk OKU menyertai sesi pembelajaran dan pengajaran (Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di Institusi Pengajian Tinggi, 2019). Oleh itu, layanan dan sokongan tambahan perlu diberikan. Contohnya, kemudahan mesra OKU perlu disediakan di sekolah. Kemudahan dan penyesuaian yang sesuai membolehkan OKU menikmati hak terhadap pendidikan yang saksama dengan individu lain.

Diskriminasi dapat berlaku sekiranya OKU masih tidak mendapat capaian yang mencukupi terhadap pendidikan. Capaian terhadap pendidikan adalah penting bagi memastikan hak terhadap pendidikan yang diberikan kepada pelajar OKU dapat dimanfaatkan dan dinikmati dengan sebaik-baiknya.

UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN DENGAN HAK ORANG KURANG UPAYA

Pendidikan ialah tunjang utama yang membantu kemajuan individu, masyarakat dan negara. Pendidikan merupakan hak yang seharusnya dinikmati oleh setiap individu, termasuklah OKU. Sehubungan dengan itu, undang-undang wujud sebagai garis panduan dalam usaha untuk

memastikan tiada individu yang tercicir daripada menikmati hak terhadap pendidikan. Oleh itu, di Malaysia, hak terhadap pendidikan telah dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 12 Hak Berkenaan Pendidikan. Perkara ini menerangkan bahawa diskriminasi tidak seharusnya wujud terhadap mana-mana warganegara mengikut apa-apa alasan dalam pentadbiran institusi pendidikan yang ditadbir oleh pihak berkuasa awam. Hal ini terutamanya yang berkaitan dengan kemasukan pelajar dan pembayaran fi pendidikan.

Selain itu, turut dinyatakan dalam Perkara 12 bahawa diskriminasi tidak boleh wujud dengan alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir apabila memberikan bantuan kewangan bagi tujuan penyelenggaraan atau pendidikan pelajar di mana-mana institusi pendidikan. Oleh itu, hak terhadap pendidikan yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan ialah hak untuk dilayan tanpa diskriminasi atas dasar kategori yang disenaraikan, iaitu kategori agama, ras, keturunan atau tempat lahir. Hak terhadap pendidikan tidak mutlak dan tertakluk pada kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak yang diperuntukkan di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Diskriminasi yang disebabkan oleh seseorang itu berada dalam kategori OKU tidak dilarang secara khusus dalam peruntukan Perkara 12 Hak Berkenaan Pendidikan. Walau bagaimanapun, Shad Saleem Faruqi (2008) berpendapat bahawa senarai kategori dalam Perkara 12(1) dapat diluaskan oleh mahkamah sekiranya mahkamah berpendapat bahawa kategori yang tidak tersenarai menjadi punca diskriminasi dan bukannya pengelasan munasabah.

Pada peringkat antarabangsa, Konvensyen mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) digunakan sebagai rangka rujukan bagi melindungi hak OKU. Konvensyen tersebut menyatakan bahawa hak yang diperuntukkan untuk golongan OKU harus diberikan kepadanya dan hak tersebut dapat dinikmati tanpa sebarang pengecualian atau diskriminasi dari segi bangsa, agama, kulit, bahasa dan pendapat. Antara hak yang dinyatakan melalui pengisytiharan ini termasuklah hak terhadap pendidikan, rawatan perubatan, perkhidmatan kaunseling dan psikologi. Selain itu, pengisytiharan ini turut menekankan bahawa hak OKU daripada eksploitasi dan layanan yang bersifat diskriminasi dalam bidang pendidikan. Diskriminasi seharusnya tidak berlaku dalam pemberian capaian pendidikan kerana Pengisytiharan Konvensyen mengenai Hak Orang Kurang Upaya menekankan larangan yang berkaitan dengan diskriminasi. Hak terhadap pendidikan ini harus diberikan tanpa

mengecualikan mana-mana pihak. Maka, pengecualian atau diskriminasi terhadap golongan OKU untuk mendapatkan capaian terhadap pendidikan seharusnya tidak berlaku. Hal ini selaras dengan Perkara 24 tersebut yang menyatakan bahawa negara ahli perlu memastikan bahawa OKU tidak dikecualikan daripada sistem pembelajaran disebabkan oleh kekurangan keupayaan golongan berkenaan.

Selain Perlembagaan Persekutuan, akta utama di Malaysia yang melindungi hak OKU ialah Akta Orang Kurang Upaya 2008. Akta ini diluluskan oleh Parlimen pada 24 Disember 2007. Bahagian IV Bab 1 mengandungi peruntukan yang berkaitan dengan kebolehcapaian dan terdapat beberapa perkara yang diperuntukkan agar OKU mendapat capaian terhadap perkara tersebut. Seksyen 28 Akta Orang Kurang Upaya 2008 dikhususkan untuk membolehkan capaian OKU terhadap pendidikan. Seksyen ini menyatakan bahawa OKU tidak boleh dikecualikan daripada sistem pendidikan umum disebabkan oleh ketidakupayaannya. Kerajaan dan penyedia pendidikan swasta perlu memberikan peluang kepada OKU untuk melanjutkan pelajaran dan menyediakan penyesuaian munasabah yang bersesuaian dengan keperluan OKU dari pelbagai aspek. Aspek yang ditekankan dalam seksyen ini ialah penyesuaian munasabah dari segi prasarana, bahan dan kaedah pengajaran, dan pelbagai bentuk sokongan yang dapat membantu pembelajaran OKU.

Selain itu, kerajaan dan penyedia pendidikan swasta juga diberi tanggungjawab untuk mengambil langkah yang sesuai bagi membolehkan OKU mempelajari kemahiran hidup dan pembangunan sosial agar setara dengan orang lain dalam bidang pendidikan. Langkah yang perlu dilakukan adalah dengan memudahkan pembelajaran melalui Braille, skrip alternatif, kaedah augmentatif dan alternatif, cara dan format komunikasi dan kemahiran orientasi dan mobiliti, serta memudahkan aspek sokongan rakan sebaya dan pementoran. Pihak berkenaan juga perlu memudahkan pembelajaran bahasa isyarat dan menggalakkan identiti linguistik komuniti orang pekak, serta memastikan bahasa dan kaedah yang bersesuaian digunakan dalam pembelajaran OKU.

PERBANDINGAN CAPAIAN TERHADAP PENDIDIKAN UNTUK ORANG KURANG UPAYA ANTARA MALAYSIA DENGAN NEGARA LUAR

Menerusi peruntukan undang-undang domestik dan pengisytiharan antarabangsa, setiap pihak perlu berperanan dalam penyediaan capaian

dan kemudahan dari pelbagai aspek untuk membantu pembelajaran OKU. Dalam konteks Malaysia, secara umumnya, tiada diskriminasi dalam pemberian hak pendidikan kepada OKU. Dari peringkat sekolah rendah hingga sekolah menengah, kerajaan menyediakan sekolah pendidikan khas bagi murid berkeperluan khas (senarai sekolah pendidikan khas, t.t.). Dengan berdasarkan senarai sekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, sekolah khas ini merangkumi sekolah kebangsaan harian dan sekolah vokasional. Terdapat juga sekolah harian biasa yang menyediakan kelas pendidikan khas bagi kanak-kanak kekurangan upaya. Manzaidi Mohd Amin (2021) menyatakan bahawa prasarana di kawasan sekolah memenuhi aspek yang diperlukan oleh kanak-kanak kurang upaya, seperti tandas khas dan laluan khas.

Kebanyakan kelas pendidikan khas di sekolah juga diletakkan di tingkat bawah bagi memudahkan pelajar untuk bergerak tanpa perlu melalui halangan, seperti tangga yang tinggi. Sekiranya pelajar ingin ke tingkat atas, biasanya sekolah mempunyai lif yang dapat digunakan oleh pelajar tersebut. Menurut Norazlinda Saad (2007), pada peringkat pengajian tinggi pula, OKU tidak dikecualikan daripada memasuki mana-mana institusi pengajian kerana syarat kemasukan berdasarkan sistem merit. Namun begitu, isu yang timbul bukan dari segi mendapatkan hak untuk pendidikan, tetapi lebih kepada hak terhadap capaian pendidikan. Walaupun dapat meneruskan pengajian, realiti yang terpaksa dihadapi oleh golongan OKU amat berbeza daripada pelajar lain ketika menjalani kehidupan sewaktu pengajian tersebut.

Golongan OKU seharusnya diberi sepenuh perhatian untuk membantunya berkembang bagi meningkatkan kualiti kehidupannya, terutamanya apabila berada pada peringkat pengajian tinggi. Pada peringkat sekolah rendah dan menengah, dapat dikatakan bahawa kemudahan dan capaian terhadap pendidikan yang disediakan memenuhi keperluan pembelajaran golongan OKU. Namun begitu, menurut Nur Azlina Mohamad Zahari et al. (2022a), pada peringkat pengajian tinggi, ada kalanya, pihak pengurusan tidak begitu memenuhi penyediaan capaian dan kemudahan untuk OKU. Hal ini menyebabkan pelajar mengalami kesukaran ketika belajar, seterusnya menjejaskan pencapaiannya.

Oleh itu, wujud penyesuaian munasabah yang perlu dilaksanakan oleh pihak tertentu untuk memenuhi keperluan pelajar kurang upaya. Akta Orang Kurang Upaya 2008 mentafsirkan “penyesuaian munasabah” sebagai pengubahsuaian dan pelarasan yang perlu dan sesuai tanpa

mengenakan bebanan tidak seimbang atau tidak wajar, jika diperlukan dalam hal tertentu, untuk memastikan orang kurang upaya menikmati atau menjalani kehidupan yang berkualiti dan sejahtera atas asas kesetaraan dengan orang upaya. Apa-apa pengubahsuaian dan pelarasan perlu dilakukan dari aspek kemudahan institusi dan kaedah pelajaran. Seperti yang dinyatakan sebelumnya, masih ada kekurangan pada pihak tertentu untuk menyediakan sekitaran yang kondusif bagi pelajar kurang upaya untuk menimba ilmu.

Ketidaksediaan prasarana (2021) pernah melaporkan bahawa ketidaksediaan prasarana tidak seharusnya menjadi halangan untuk memberikan peluang kepada pelajar kurang upaya untuk melanjutkan pelajaran. Dalam laporan itu, ketidaksediaan prasarana untuk orang kurang upaya ialah kelemahan dalam penguatkuasaan Seksyen 28(1) dan (2) Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang menekankan hak sama rata dari segi mendapatkan capaian terhadap pendidikan, serta kesediaan pihak kerajaan dan swasta untuk melakukan penyesuaian munasabah jika berkeperluan. Ketidaksediaan prasarana (2021) juga menyarankan pelaksanaan penyesuaian munasabah, seperti prasarana yang mesra OKU, serta bahan dan kaedah pengajaran yang khusus untuk golongan kurang upaya tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana pada peringkat pengajian tinggi, setiap pelajar mempelajari sukatan pelajaran yang sama mengikut kursus masing-masing. Perkara ini tidak adil bagi pelajar kurang upaya yang mungkin memerlukan lebih perhatian, masa atau kaedah yang berlainan berbanding dengan pelajar lain mengikut kesesuaian keupayaannya.

Kajian yang pernah dilakukan mendapati bahawa kebanyakan pelajar mengeluh terhadap sistem pengurusan kemudahan. Dalam hal ini, Muhamad Nur Hafiz Ahmad et al. (2017) menyatakan bahawa prasarana yang disediakan tidak mesra OKU. Contohnya, keadaan tangga yang terlalu tinggi, tiada kemudahan lerengan dan lerengan yang tidak bersesuaian. Perkara ini turut dilaporkan oleh Ketidaksediaan prasarana (2021), iaitu kebanyakan bangunan di pusat pengajian tinggi tidak memenuhi piawaian seperti yang digariskan dalam Seksyen 34A Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 yang berkaitan dengan kehendak bangunan untuk orang kurang upaya. Undang-undang ini merupakan undang-undang kecil yang ditubuhkan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Seksyen ini menetapkan syarat bangunan bagi OKU yang perlu dipatuhi walaupun akta ini bukanlah akta yang

spesifik bagi OKU. Seksyen ini memperincikan keperluan penyediaan capaian bagi membolehkan orang kurang upaya keluar masuk premis dan kemudahan untuk kegunaan OKU. Ketidakpatuhan terhadap piawaian ini menyebabkan pelajar kurang upaya sukar mendapatkan capaian terhadap bangunan dan kemudahan di institusi pengajian tersebut.

Selain aspek kemudahan, capaian terhadap pembelajaran juga satu daripada aspek yang perlu diteliti. Pelajar lain tidak mempunyai keterbatasan yang sama seperti pelajar kurang upaya dari segi mempelajari ilmu dan mencerna maklumat. Pelajar kurang upaya pelihatan dan pendengaran sukar menikmati suasana pembelajaran yang normal seperti pelajar lain. Pelajar OKU kategori ini memerlukan bantuan dari segi bahan pembelajaran dan cara pembelajaran. Bahan pembelajaran tersebut perlulah dalam bentuk yang dapat digunakan. Kekurangan bahan yang sesuai, seperti buku dalam tulisan Braille, buku dalam fon yang lebih besar atau buku dalam bentuk elektronik atau audio menyukarkan pelajar kategori ini belajar dengan lebih produktif. Selain itu, pelajar kurang upaya pembelajaran yang khusus, seperti disleksia, dispraksia, diskalsulia dan autisme atau kekurangan tumpuan, juga tidak boleh diberikan layanan yang sama dalam aspek pembelajaran dan peperiksaan.

Di Malaysia, satu daripada universiti yang mempunyai panduan bagi penyesuaian munasabah pada peringkat pengajian tinggi ialah Universiti Malaya. Universiti ini mempunyai polisi tersendiri yang berkaitan dengan penyesuaian munasabah, iaitu Polisi Universiti Inklusif Siswa Orang Kurang Upaya (t.t). Polisi ini meletakkan objektifnya sebagai memenuhi dan menjaga hak Siswa OKU untuk mendapatkan capaian penuh terhadap sistem pembelajaran dan kehidupan kampus. Universiti ini menyediakan Pegawai Perhubungan Ketidakupayaan (DLO) yang bertindak sebagai rujukan kakitangan dan pelajar mengenai siswa OKU. Pegawai terbabit juga bertanggungjawab untuk mengemukakan cadangan sebagai pendekatan terbaik dalam penggunaan penyesuaian munasabah mengikut skop dan kemampuannya.

Antara langkah yang dilakukan bagi memastikan siswa OKU di Universiti Malaya mendapat capaian sepenuhnya terhadap pendidikan termasuklah memastikan pelajaranya berasa selesa di kampus. Pihak yang berkaitan bertanggungjawab untuk membantu pelajar kurang upaya supaya dapat menyesuaikan diri ketika berada di kampus, seterusnya menyediakan kemudahan yang diperlukan agar mahasiswa

dapat menikmati kehidupan di kampus dengan baiknya sebagaimana pelajar lain. Bagi aspek pembelajaran pula, setiap kakitangan perlu bekerjasama dan memberikan sepenuh sokongan kepada pelajar kurang upaya agar tidak keciciran. Pelajar juga perlu mendapat capaian terhadap bahan alternatif pembelajaran. Misalnya, salinan lembut sesuatu bahan pengajaran bagi pelajar yang mempunyai masalah pelihatan. Pelajar juga diberi kebenaran untuk merakam kuliah yang berlangsung dan bilik kuliah haruslah dapat dicapai oleh pelajar. Dari segi peperiksaan, format peperiksaan haruslah dalam bentuk yang dapat difahami oleh pelajar kurang upaya. Pelajar ini juga berhak diberi masa tambahan sewaktu peperiksaan mengikut penetapan pihak universiti. Polisi Universiti Inklusif Siswa Orang Kurang Upaya (t.t.) oleh Universiti Malaya menetapkan bahawa tenaga pengajar perlu mempunyai kaedah penilaian yang bersesuaian mengikut tahap kemampuan pelajar tersebut.

Negara luar lebih ke hadapan dari segi pelaksanaan penyesuaian munasabah dalam sistem pembelajarannya untuk membantu pelajar kurang upaya yang memerlukan. Garis panduan ini adalah untuk memastikan pelajar kurang upaya tidak ketinggalan untuk mendapatkan capaian pendidikan seperti pelajar lain. Sebagai perbandingan, United Kingdom menerusi University of Southampton merupakan contoh yang baik. Universiti ini menyediakan garis panduan pelaksanaan penyesuaian munasabah bagi pelajar dan kakitangannya. Garis panduan ini menetapkan bahawa penyesuaian munasabah merupakan sebarang tindakan daripada kewajipan undang-undang bagi mengatasi kesulitan yang dihadapi oleh seseorang akibat kecacatannya. Bagi pelajar kurang upaya di universiti ini, penyesuaian munasabah dilakukan dari aspek pengaturan program akademik, perkhidmatan pelajar dan pengaturan bagi peraturan peperiksaan yang mengandungi halangan bagi pelajar kurang upaya.

Bagi penyesuaian munasabah dari aspek fizikal, garis panduan ini memastikan adanya lerengan bagi pengguna kerusi roda, lantai yang mempunyai warna kontra untuk membantu orang kurang upaya pelihatan melihat perubahan aras pada lantai dan memperuntukkan tempat letak kenderaan khusus untuk pelajar dan kakitangan kurang upaya. Pihak universiti juga memastikan pelajar kurang upaya tidak ketinggalan dari segi capaian terhadap maklumat. Penyesuaian munasabah yang dilakukan ini adalah untuk memastikan cara pemberian dan penerimaan maklumat dilakukan dengan cara yang bersesuaian, seperti meminda

arahan atau menyediakan manual rujukan. Penyesuaian munasabah dari aspek pengajian dilakukan dengan cara membenarkan pembelajaran secara fleksibel dan mengubah suai bahan pembelajaran yang digunakan. Pelajar kurang upaya juga dibenarkan untuk menangguhkan pengajian mengikut tempoh masa. Pelajar OKU diberi kemudahan penggunaan komputer dan fon alternatif pada waktu peperiksaan, kaedah penilaian yang berbeza dan masa tambahan untuk menjawab peperiksaan.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN CAPAIAN TERHADAP PENDIDIKAN UNTUK ORANG KURANG UPAYA

Cadangan untuk Institusi Pendidikan

Dengan berdasarkan penyesuaian munasabah yang dilakukan oleh institusi pendidikan di luar negara, jelaslah bahawa perkara tersebut bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dilaksanakan pada peringkat pendidikan tinggi di Malaysia. Antara penambahbaikan yang dapat dilakukan termasuklah dari segi kemudahan institusi. Kemudahan institusi perlulah mesra orang kurang upaya. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar seharusnya berasa selesa ketika menggunakan kemudahan yang disediakan di institusi. Pelajar kurang upaya juga sama seperti pelajar lain yang ingin hadir ke kelas dan menikmati manfaat prasarana yang ada di institusi. Oleh itu, penambahbaikan kemudahan institusi perlu diutamakan bagi memastikan pelajar kurang upaya berasa mudah dan selesa ketika menuntut ilmu. Menerusi prinsip kesamarataan dan keadilan yang dibincangkan oleh Rawls (1971), pelajar OKU dikatakan telah menerima layanan yang berbeza jika tidak dapat menikmati peluang untuk menggunakan prasarana yang ada di institusi. Hal ini merupakan sesuatu yang tidak adil kerana golongan tersebut juga berhak menikmati peluang yang sama untuk memudahkannya belajar.

Antara penambahbaikan yang dapat dilakukan termasuklah penyediaan lerengan, selusur dan lif yang diperlukan untuk memudahkan pergerakan pelajar OKU. Infrastruktur mesra OKU perlu dibina dari segi penggunaan kerusi roda. Infrastruktur, seperti tangga di institusi, perlu dibina dengan warna yang kontra agar pelajar kekurangan upaya pelihatan dapat membezakan ketinggian tangga. Selain itu, permukaan pejalan kaki sentuhan perlu disediakan di setiap prasarana untuk kegunaan pelajar cacat pelihatan. Sebagaimana pendapat Estrada (1970),

setiap individu dicipta dengan keupayaan berbeza-beza dan sesetengah individu pula berhak mendapatkan layanan yang lebih daripada orang lain. Dalam hal ini, OKU berhak mendapatkan layanan yang berpihak kepadanya kerana dirinya lebih memerlukannya. Oleh itu, penyesuaian seperti ini amat diperlukan kerana pelajar OKU memerlukan tumpuan yang lebih ketika menjalani sesi pembelajaran.

Seterusnya, penambahbaikan dapat dilakukan dari aspek pengendalian pengajian pelajar. Ada pelajar kurang upaya yang tahap penerimaannya tidak sama dengan pelajar biasa. Setiap pelajar kurang upaya memerlukan bantuan berdasarkan kekurangan masing-masing. Oleh itu, cara pembelajaran pelajar OKU berbeza daripada pelajar lain. Pihak institusi perlu memastikan agar kaedah pembelajaran dapat diikuti oleh pelajar kurang upaya seiring dengan bahan pembelajaran yang digunakan. Pelajar biasa dapat menggunakan bahan pembelajaran biasa, seperti buku, slaid dan nota kuliah. Namun begitu, pelajar kekurangan upaya pelihatan dan pendengaran berasa sukar apabila menggunakan bahan yang sama.

Oleh itu, pihak institusi perlu mempertimbangkan penyesuaian munasabah yang sesuai, seperti penyediaan bahan bacaan pelajar dalam tulisan Braille dan rakaman audio. Pelajar kurang upaya juga memerlukan capaian terhadap komputer riba dan telefon pintar yang mempunyai fungsi cakap balik. Selain itu, menurut kajian yang dilakukan, pelajar kurang upaya amat memerlukan bahan pembelajaran sebelum kelas bermula. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat banyak pelajar kurang upaya yang memerlukan masa untuk mencernakan maklumat mengikut upayanya sendiri. Menurut Safura Ahmad Sabri et al. (2018), capaian awal perlulah diberikan kepada pelajar untuk membolehkannya melakukan persediaan sebelum kuliah bermula. Fenwick(2002) menegaskan bahawa satu daripada bentuk diskriminasi ialah diskriminasi terhadap OKU. Diskriminasi terhadap OKU dapat berlaku dalam sistem pendidikan apabila capaian terhadap pendidikan dihalang. Penyediaan bahan pembelajaran yang sesuai pada waktu yang lebih awal ialah satu daripada bentuk capaian pendidikan yang diperlukan oleh pelajar OKU. Jika pelajar OKU tidak dapat mencapainya, berlakulah penindasan terhadap hak OKU. Tuntasnya, penggunaan medium pembelajaran yang dapat dicapai dengan mudahnya oleh pelajar OKU sewaktu pengendalian pengajian adalah penting.

Penyesuaian munasabah yang seterusnya ialah penambahbaikan dari aspek penilaian. Penilaian yang dilakukan perlu mengambil kira

kemampuan pelajar kurang upaya. Ada pelajar yang sukar menulis dan melakukan pembentangan. Keupayaan pelajar ini juga berbeza-beza. Oleh itu, perkara ini perlu diambil kira dalam rangka penilaian yang digunakan untuk pelajar agar penilaian yang diberikan adil dan saksama. Jika penyesuaian munasabah tidak diimplementasikan dalam penilaian pembelajaran, pelajar kurang upaya terhalang untuk mendapatkan capaian terhadap pembelajaran. Golongan ini seharusnya dapat melakukan penilaian yang diminta dengan sebaik-baiknya mengikut kursus yang dipelajari. Sistem penilaian yang terlalu ketat dan tidak mengambil kira aspek penyesuaian munasabah menyebabkan pelajar OKU sukar mencapai kecemerlangan dalam penilaian yang perlu dipenuhi.

Sewaktu melakukan tugas atau peperiksaan, pelajar perlu diberi masa tambahan untuk menyelesaikannya mengikut rentak sendiri kerana rentak pembelajarannya berbeza daripada pelajar lain. Sekali lagi, Rawls (1921) menegaskan bahawa pendidikan merupakan suatu peluang dan berlaku ketidakadilan jika seseorang itu tidak mendapat peluang yang sama. Penyesuaian munasabah dari segi penilaian ini berperanan penting untuk memastikan kesamarataan dan keadilan adalah seimbang dan dapat dinikmati oleh pelajar OKU. Jika pelajar OKU tidak dapat melakukan penilaian dengan baiknya disebabkan oleh kekurangan keupayaan yang di luar kawalannya, keadaan ini merupakan suatu bentuk penindasan yang menjejaskan keadilan dalam institusi pengajian. Perkara ini seharusnya tidak berlaku kerana wajarnya setiap individu perlu mendapat peluang yang sama untuk menunjukkan kebolehan masing-masing dan dinilai dengan baiknya bagi menyelesaikan pengajiannya.

Cadangan untuk Kerajaan

Pada tahun 2023, terdapat pelbagai penyelenggaraan dan kerja menaik taraf sekolah yang dilakukan secara berperingkat berikutan pembentangan Belanjawan 2023 yang memperuntukkan sebanyak RM900 juta bagi kerja penyelenggaraan kemudahan di semua jenis sekolah. Pihak kerajaan telah memulakan penyelenggaraan dan membaik pulih tandas di sekolah di serata Malaysia. Bahkan, banyak berita yang menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan dari segi naik taraf kemudahan di sekolah. Contohnya, sebanyak 7544 atau 90.3 peratus projek penyelenggaraan kecil Kementerian Pendidikan Malaysia sedang dalam proses dan siap dilaksanakan setakat 22 September 2023 (Projek penyelenggaraan tandas sekolah, 2023). Malah, kerajaan turut meluluskan peruntukan bagi penyelenggaraan sekolah, seperti kelulusan peruntukan sebanyak

RM300,000 untuk kegunaan Sekolah Kebangsaan Jabi bagi membaik pulih sekitaran (KPM lulus RM300,000 untuk selenggara SK Jabi, 2023).

Jika dilihat daripada inisiatif yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi memastikan sekitaran sekolah kondusif, jelaslah bahawa kerajaan mempunyai keupayaan untuk menggerakkan projek menambah baik infrastruktur agar lebih mesra OKU. Projek penyelenggaraan kecil tersebut perlu mengambil kira aspek kemudahan yang dapat diwujudkan di sekolah bagi memastikan pelajar OKU turut dapat merasai sekitaran sekolah yang kondusif. Contohnya, dalam projek pembaikan tandas di sekolah, kerajaan perlu menaik taraf tandas tersebut agar dapat digunakan oleh semua pelajar, termasuklah pelajar OKU.

Sebagai cadangan, kerajaan perlu menaik taraf tandas di sekolah menerusi pembinaan tandas yang mempunyai ruang yang lebih besar agar pelajar OKU dapat menggunakan kerusi roda, tongkat atau alat dengan mudahnya ketika menggunakan tandas. Tandas yang dibina juga perlu dilengkapi susur tangan bagi memudahkan pergerakan pelajar OKU untuk duduk dan bangun di tandas. Selain itu, kemudahan, seperti tanjakan dan susur tangan, perlu diletakkan di tempat yang turut digunakan oleh pelajar OKU, seperti kantin, perpustakaan, surau dan makmal. Hal ini penting untuk memastikan pergerakan pelajar OKU tidak terhad di bilik darjah dan tandas sahaja. Seluruh sekolah seharusnya dilengkapi ciri mesra OKU agar pelajar OKU dapat merasai suasana pembelajaran yang kondusif seperti pelajar lain.

Selain itu, berdasarkan Pembentangan Belanjawan 2023, Kementerian Pendidikan Tinggi turut menerima peruntukan sebanyak RM15.3 bilion yang membolehkannya melaksanakan projek penaiktarafan infrastruktur fakulti dan kolej kediaman. Hal ini disebabkan oleh kebanyakan bangunan di institusi pengajian tinggi di Malaysia terdiri daripada bangunan lama. Oleh itu, penyelenggaraan dan penaiktarafan adalah perlu bagi memastikan infrastruktur pengajian tinggi bersesuaian dengan pelajar OKU.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan Tinggi perlu menjadi tunjang bagi memastikan penyelarasan penyesuaian munasabah diterapkan di institusi pengajian tinggi. Kerajaan berperanan penting untuk menggerakkan penyelarasan yang dilakukan dan memastikan pihak berkepentingan mematuhi penyesuaian munasabah yang diwujudkan di institusi pengajian tinggi. Pihak kerajaan perlu mengeluarkan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh semua pihak sebagai rujukan supaya dapat memberikan ruang kepada pelajar OKU untuk mendapat capaian terhadap pendidikan seperti pelajar lain.

KESIMPULAN

Jika dilihat dari aspek undang-undang dan perbandingan dengan negara luar, penyediaan capaian pendidikan kepada pelajar kurang upaya bukan perkara mustahil. Malaysia mempunyai asas dalam memberikan capaian terhadap pendidikan kepada pelajar kurang upaya pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Asas ini dapat ditambah baik dengan mengambil kira keperluan pelajar kurang upaya di sekolah biasa, bukan mengehadkannya di sekolah pendidikan khas sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana bukan semua pelajar kurang upaya memerlukan pendidikan di sekolah khas. Selain itu, aspek capaian OKU terhadap sumber perlu dijaga dan pendidikan satu daripada sumber yang perlu dititikberatkan. Pelajar OKU yang tidak memerlukan pendidikan di sekolah khas turut ingin menikmati persekolahan di sekolah biasa. Oleh itu, sekolah biasa perlu menyediakan kemudahan bagi pelajar kurang upaya untuk membolehkannya belajar dalam keadaan yang selesa.

Selain itu, pihak kerajaan juga perlu menguar-uarkan usaha untuk memberikan capaian pendidikan kepada pelajar kurang upaya, terutamanya kepada ibu bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak banyak sekolah khas yang ada seperti sekolah kebangsaan lain dan bukan semua orang mengetahui kewujudan sekolah khas ini. Ibu bapa dan pelajar OKU berhak mengetahui kemudahan yang disediakan oleh pihak tertentu agar pelajar OKU itu dapat menikmatinya, manakala ibu bapa pula dapat memberikan sokongan yang terbaik untuk anaknya. Oleh itu, kerajaan perlu mengambil inisiatif untuk mengembangkan pengetahuan awam tentang sekolah ini. Orang kurang upaya juga berhak belajar dengan selesanya tanpa perlu menghadapi halangan dari aspek pembelajaran dan prasarana institusi seperti pelajar lain.

Berikutan dengan penambahbaikan pada peringkat sekolah, penerimaan konsep penyesuaian munasabah juga perlu diterapkan pada peringkat pengajian tinggi. Kerajaan dan institusi pengajian tinggi perlu mengambil maklum tentang keperluan pelajar dari aspek pembelajaran dan prasarana yang digunakan. Institusi pengajian juga perlu memastikan prasarana diselenggarakan agar keselamatannya terjamin. Walaupun pelajar kurang upaya merupakan golongan minoriti di institusi pengajian tinggi, keperluannya perlu dititikberatkan. Hak untuk mendapatkan pendidikan sehingga tahap pendidikan tinggi ialah hak yang perlu dinikmati oleh setiap rakyat Malaysia, termasuklah orang kurang upaya.

Seterusnya, pelajar OKU dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan pelajar lain apabila menjalani kehidupan pada peringkat pengajian tinggi setelah penyesuaian mengikut kemampuannya dilaksanakan.

Sukatan pelajaran pula tidak perlu berbeza bagi pelajar OKU. Yang perlu hanyalah penyesuaian munasabah dalam aspek penilaian agar adil bagi semua pelajar. Secara kesimpulannya, capaian terhadap pendidikan perlu diberikan tanpa wujudnya diskriminasi terhadap pelajar kurang upaya. Golongan tersebut perlu diberi sepenuh perhatian agar dapat belajar dengan cemerlangnya. Ketiadaan kesamarataan capaian terhadap pendidikan menjadi halangan bagi OKU untuk mendapat perkara yang diimpikan dalam kehidupan menerusi pendidikan. Oleh itu, tiada sesiapa yang seharusnya terkecuali daripada mendapatkan capaian terhadap pendidikan. Setiap pihak perlu bekerjasama untuk menjadikan semua institusi pengajian dari peringkat sekolah hingga pengajian tinggi mesra OKU dari segala aspek agar pelajar OKU tidak ketinggalan dalam pendidikan. Pihak berkaitan juga perlu peka dari segi memastikan keperluan pelajar kurang upaya dipenuhi menerusi pelaksanaan penyesuaian munasabah yang sewajarnya.

PENGHARGAAN

Penyelidik merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana menyediakan kemudahan dan sumber penyelidikan bagi menyempurnakan makalah ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Shamim Husna Sharizal: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis statistik, penginterpretasian hasil, penulisan makalah, penyediaan makalah, penyediaan makalah akhir, semakan dan penghantaran manuskrip akhir; Nurfatini Alya Ahmad Sallehudins: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis statistik, penginterpretasian hasil, penulisan makalah, penyediaan makalah, penyediaan makalah akhir dan semakan; Rachel Decruz: Penyediaan makalah akhir, semakan dan pengesahan makalah akhir.

PENDANAAN

Penerbitan ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984.
- Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) (2008). *Undang-undang Malaysia*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. <https://kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Akta/Akta%20685%20-%20Akta%20Orang%20Kurang%20Upaya%202008.pdf>
- Bentham, J. (1838–1843). *The works of Jeremy Bentham*. Published Under the Superintendence of His Executor John Bowring, 11 vols. Vol. 9. The Online Library Liberty.
- Chata Male & Quentin Wodon. (2017). The price of exclusion: Disability gaps in educational attainment and literacy. Global Partnership for Education and The World Bank.
- Dias. (1976). *Jurisprudence* (ed. ke-4). Butterworths.
- Dworkin, R. (1981a). What is equality? Part 1: Equality of welfare. *Philosophy and Public Affairs*, 10(3), 185–246.
- Dworkin, R. (1981b). What is equality? Part 2: Equality of resources. *Philosophy & Public Affairs*, 10(4), 283–345
- Erda Khursyiah Basir. (2022, 15 Jun). Perbanyak pusat pemulihan kanak-kanak OKU agar tidak tercicir akademik, kemahiran. Bernama. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perbanyak-pusat-pemulihan-kanakkanak-oku-agar-tidak-tercicir-akademik-kemahiran-366327>
- Estrada, A. (1950). *The philosophy of law*. University Publishing Company.
- Faida Rahim. (2023, 13 Januari). Lebih 170,000 murid sekolah di Malaysia tidak mahir membaca. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-170000-murid-sekolah-di-malaysia-tidak-mahir-membaca-401747>

- Fenwick, H. (2002). *Civil liberties and human rights* (ed. ke-3, 994–1005). Routledge-Cavendish.
- Freeman, M. (2014). *Lloyd's introduction to jurisprudence* (ed. ke-9) (556–567). Sweet & Maxwell.
- Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di Institusi Pendidikan Tinggi. (2019). Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar & Norasuzaini Sujak. (2009). Sokongan dan halangan yang dihadapi pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 1(2), 20–22.
- Jakob Renner (*An Infant Suing Through His Father and Next Friend, Gilbert Renner*) & Ors lwn Scoot King, Chairman of Board of Directors of the International School of Kuala Lumpur & Ors (2005) 5 MLJ 254.
- Jhering, R. V. (1999). *Law as a means to an end*. Isaac Husik (penterjemah). The Law Book Exchange Ltd.
- Kamus dewan. edisi ketiga.* (1996). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Undang-undang.* (2008). International Law Book Services.
- Ketidaksediaan prasarana bukan alasan tidak beri peluang kepada pelajar OKU cemerlang – Ras Adiba. (2021, 25 Jun). *Bernamea*. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1975768>
- KPM lulus RM300,000 untuk selenggara SK Jabi, Pokok Sena - Fadhlina. (2023, 10 Jun). *Bernamea*. <https://bernama.com/bm/news.php?id=2196836>
- Lim Tien Hong, 'Perkemas Sistem Sokongan OKU, Rapatkan Jurang Pendidikan'. (2021, 3 Disember). *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/12/894666/perkemas-sistem-sokongan-oku-rapatkan-jurang-pendidikan>
- Manzaidi Mohd Amin. (2021, 14 Disember). Semua sekolah ada akses untuk murid berkeperluan khas. *Malaysia Gazette*. https://malaysiagazette.com/2021/12/14/semua-sekolah-ada-akses-untuk-murid-berkeperluan-khas/#google_vignette
- Mill, J. S. (1863). *Utilitarianism*. Parker, Son and Bourn, West Strand.
- Mohd Fudzail Mohd Nor. (2021, 27 Mac). Lima masalah pelajar OKU. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/130535/khas/pendapat/lima-masalah-pelajar-oku>
- Muhamad Nur Hafiz Ahmad, Hazlin Falina Rosli, Nur Fikhriah Takril & Safura Ahmad Sabri. (2017). Penyediaan fasiliti orang kurang upaya (OKU) di institusi pengajian tinggi di Lembah Klang: Satu kajian kes. Prosiding – 2nd Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and Disabled People. https://www.researchgate.net/publication/317032951_

PENYEDIAAN_FASILITI_ORANG_KURANG_UPAYA_OKU_DI_ INSTITUTE_PENGAJIAN_TINGGI_DI_LEMBAH_KLANG_SATU_ KAJIAN_KES.

- Muhammad Kamil Awang. (1998). *The sultan & the constitution*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nagel, T. (1987). *What does it all mean. A very short introduction to philosophy* (76–80). Oxford University Press.
- Nor Nandinie Mohd Nizam Edros & Tajul Arifin Muhamad. (2020). Kepuasan pelajar kurang upaya (OKU) terhadap penyediaan kemudahan di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, 3(6), 100–108.
- Norazlinda Saad. (2007). Meritokrasi: Faktor sosioekonomi dan peluang pendidikan tinggi.
- Nur Azlina Mohamad Zahari, Ramalinggam Rajamanickam, Rohaida Nordin. (2022a). Hak orang kurang upaya berhubungan dengan akses kepada bangunan awam di Malaysia menurut Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] 1 LNS(A) lxxv.
- Nur Azlina Mohamad Zahari, Ramalinggam Rajamanickam, Rohaida Nordin. (2022b). Instrumen antarabangsa berkenaan dengan hak orang kurang upaya kepada akses-akses untuk kelangsungan hidup. 1 LNS(A) lxxix.
- Perlembagaan Persekutuan 1957.
- Polisi universiti inklusif siswa orang kurang upaya. (t.t.). Universiti Malaya. <https://www.um.edu.my/upload/polisi-universiti-inklusif-universiti-malaya.pdf>
- Projek penyelenggaraan tandas sekolah KPM 90 peratus dalam pelaksanaan, siap. (2023, 27 September). Bernama. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2229567>
- Rawls, J. (1971). *A theory of justice* (Ed. semakan) (11,86 & 87). Harvard University Press.
- Safura Ahmad Sabri, Hazlin Falina Rosli & Nur Fikhriah Takril. (2018). Keperluan pelajar orang kurang upaya (OKU) di institusi pengajian tinggi. *International Research management & Innovation Conference* (5).
- Senarai Sekolah Pendidikan Khas. (t.t.). Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/senarai-sekolah-pendidikan-khas>
- Shad Saleem Faruqi. (2008). *Document of destiny: The constitution of the federation of Malaysia*. Star Publications (Malaysia) Berhad.
- Statistik Pendidikan Tinggi 2022. (2022). Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- Statistik pendaftaran OKU sehingga 31 Ogos 2022. (2023). Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia.

UN General Assembly, Convention on the Rights of Persons with Disabilities: Resolution/adopted by the General Assembly, A/RES/61/106, 24 Januari 2007. <https://www.refworld.org/legal/resolution/unga/2007/en/49751> [Dicapai pada 28 Mei 2024].

World Health Organisation. (2024). Disability. https://www.who.int/health-topics/disability#tab=tab_1 [Dicapai pada 25 Mei 2024].